

14 MAR 1998

Ukraine-Sokong

UKRAINE SOKONG HASRAT MALAYSIA DUDUKI KERUSI GANTIAN PBB

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Ukraine Hennadiy Udovenko har ini berkata, negaranya akan memberikan sokongan kepada hasrat Malaysia untuk menduduki kerusi gantian Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Bagi 1999-2001 dengan syarat mendapat persetujuan Presiden Leonid Kuchma.

"Melihat kepada hubungan kami dengan Malaysia, Saya fikir tiada masalah untuk menyokong pencalonan Malaysia tetapi saya perlu mendapat pengesahan secara bertulis daripada Presiden kami," katanya pada persidangan berita yang menandakan berakhirnya lawatan tiga hari beliau ke Malaysia, di sini.

Semasa lawatannya, Udovenko yang juga Presiden Sesi Ke-52, Perhimpunan Agung PBB (UNGA) telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mereka membincangkan pelbagai isu termasuk penyusunan semula PBB dan Majlis Keselamatannya, situasi kewangan badan dunia itu, Kosovo dan cara untuk mempertingkatkan hubungan Malaysia-Ukraine.

Katanya, adalah sukar untuk beliau memperkatakan mengenai penyusunan semula PBB kerana tiada sebarang pendapat di kalangan anggota mengenai bagaimana untuk melakukannya terutama mengenai isu pembesaran Majlis Keselamatan.

Mengenai situasi kewangan PBB, Udovenko mengesahkan bahawa Amerika Syarikat (AS) kemungkinan hilang hak mengundinya pada sesi UNGA akan datang jika gagal membayar balik hutangnya kepada badan dunia itu. AS berhutang lebih US\$1 bilion kepada PBB.

Merujuk kepada hubungan antara Ukraine dan Malaysia, beliau berkata kedua-dua pihak akan menubuhkan jawatankuasa bersama bagi melicinkan hubungan dua hala.

Katanya, Ukraine akan mempelawa duta Malaysia di Poland untuk membincangkan bidang-bidang yang sesuai untuk usahasama yang boleh dikemukakan kepada kerajaan dan Dewan Perniagaan Kebangsaan berkenaan untuk dipertimbangkan.

Dalam pernyataan yang diedarkan pada persidangan berita itu, Malaysia dan Ukraine menyatakan minat masing-masing untuk memperbaiki kerjasama dalam perdagangan dan ekonomi.

Kedua-dua negara bersetuju bahawa penubuhan satu rangka kerja yang sah untuk melancarkan hubungan akan menjadi keutamaan mereka.

Mereka sependapat mengenai perlunya untuk meneliti dokumen-dokumen dan perjanjian-perjanjian mengenai perkara-perkara seperti prinsip dalam hubungan dan kerjasama, promosi dan perlindungan pelaburan, mengelakkan pencukuaian berganda dan trafik udara.

Pernyataan itu juga menyebut bahawa rundingan antara kedua-dua pihak bagi melaksanakan perancangan-perancangan itu akan dimulakan tidak lama lagi.

Udovenko turut mempelawa Dr Mahathir, Anwar dan Abdullah untuk melawat Ukraine secara rasmi. --BERNAMA

MAM HAK RHM